

Headline	Pemenang Larian Merdeka@Melaka teruja terima 'pingat' buah durian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	12	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,388
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,165



Pemenang Larian Merdeka@Melaka teruja terima 'pingat' buah durian



Para pemenang Larian Merdeka@Melaka menunjukkan 'pingat' buah durian yang dimenangi selepas menamatkan larian di Dataran Pahlawan, Melaka semalam.

MELAKA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka menyediakan 300 biji durian untuk yang berjaya menamatkan Larian Merdeka@Melaka sempena pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2019 di Dataran Pahlawan, Banda Hilir semalam.

Pengarah FAMA Melaka, Che Samudin Hassan berkata, peserta diberikan durian kampung pada garisan penamat sebagai usaha agensi mempromosikan kempen makan buah-buahan tempatan.

"Kita bagi seorang sebiji durian sebagai meraikan musim raja buah ini," katanya di Dataran Pahlawan, Banda Hilir semalam.

Larian sejauh lima kilometer dari hadapan Dataran Pahlawan seawal jam 7.45

pagi itu dirasmikan Exco Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan Melaka, Kerk Chee Yee.

Pemenang tempat pertama hingga ketiga memenangi tiga biji durian setiap seorang, manakala 297 pemenang seterusnya mendapat sebiji durian setiap seorang.

Pemenang pertama, Muhammad Azail Junaidi, 22, berkata, hadiah buah durian adalah unik kerana sepanjang penglibatannya dalam pelbagai acara atau larian, tidak pernah menerima 'pingat' sebegitu.

"Mulanya saya terkejut apabila diberikan sebungkus beg berisi tiga biji durian tetapi teruja untuk merasai raja buah ini," kata anggota tentera dari Stesen Bomba Tentera Darat Kem Terendak di sini. - *Bernama*